

**TAHAP KESEDIAAN KEMAHIRAN GENERIK PELAJAR SEMESTER AKHIR  
DIPLOMA HOTEL DAN KATERING: KAJIAN KES**

*Noor Afizah Binti Atan, Mohd Amin Bin Zakaria, Farhana Binti Sabidin*

*fizah75@yahoo.com.my, mohd\_amin\_zakaria@yahoo.com,muzaffar\_fara@yahoo.com  
Jabatan Pelancongan Hospitaliti , Politeknik Johor Bahru, Johor, Malaysia*

***Abstrak***

*Dunia transformasi kini mengkehendaki setiap graduan memiliki pelbagai kemahiran yang membolehkan mereka bersaingan dalam pasaran global. Justeru setiap graduan perlu mempersiapkan diri dengan satu lagi nilai tambah iaitu kemahiran generik dalam usaha untuk memenuhi kehendak industri. Kemahiran generik merupakan kemahiran yang perlu ada dalam diri sesaorang sewaktu melakukan pekerjaan mengikut kemahiran-kemahiran khusus yang dimiliki. Oleh yang demikian kajian ini memfokuskan tentang tahap kesediaan kemahiran generik pelajar khususnya semester akhir Diploma Hotel Dan Katering sesi Disember 2010 di Politeknik Johor Bahru. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan responden memiliki tahap kemahiran generik yang tinggi terhadap tiga daripada empat kemahiran generik yang dikaji.*

**I. INTRODUCTION**

Mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapannya sempena Perhimpunan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan pada 13 Mei 2006 berkata, pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti akan memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran semasa (Utusan Malaysia, 2006 dalam Noreen et al, 2007). Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi yang juga merupakan salah satu institusi yang bakal melahirkan tenaga kerja dinamik, telah menetapkan visi untuk melahirkan modal insan inovatif melalui pendidikan dan latihan transformasional bagi memenuhi keperluan tenaga kerja global menjelang 2015. Bagi mencapai matlamat tersebut, Jabatan Pengajian Politeknik telah melaksanakan kurikulum dan kokurikulum yang berorientasikan kemahiran dalam konteks menyediakan individu sebagai pekerja berkemahiran generik yang diperlukan oleh pihak industry (A. Esa et al, 2007). Antara kemahiran generik yang sering diterapkan di institusi pengajian tinggi adalah kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran menyesuaikan diri, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri dan etika (Noreen et al, 2007).

**Latar belakang masalah**

Bukanya mudah untuk berdepan dengan dunia pekerjaan yang kian mencabar, rumit dan kompleks keperluannya. Dengan memiliki sekeping sijil, diploma atau ijazah, belum pasti seseorang itu dapat meraih pekerjaan. Di samping kelayakan akademik, seseorang itu perlu memiliki ketrampilan diri yang baik, mempunyai pelbagai kemahiran dan pengalaman (Esa, 2000). Majikan pada era perubahan kini mengharapkan supaya setiap graduan dapat mengaplikasikan segala kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi di institusi tanpa sebarang latihan ataupun bantuan tambahan (Imran, 1993). Berdasarkan kepada beberapa kajian yang telah dijalankan, mendapati majikan pada dekad ini sebenarnya memerlukan pelajar yang lengkap dengan pendedahan kepada alam pekerjaan, mempunyai sikap yang baik dan mempunyai perseimbangan dalam latihan praktikal dan pendidikan am (Zaidatol Akhliah, 1993). Menurut Gwennis Mc. Neir (Norliza, 2000), para majikan pada masa kini juga memerlukan bakal pekerja yang memperolehi set kemahiran seperti mampu

menyelesaikan masalah, boleh berkomunikasi dengan baik, berpemikiran bebas dan mempunyai kemampuan untuk mengaplikasi pengetahuan teori dan amali.

Menurut mantan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, graduan lulusan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan bukan sahaja masih gagal menguasai Bahasa Inggeris malah didapati kurang mahir berkomunikasi serta tidak mempunyai keyakinan diri. Maklumbalas ini diterima daripada majikan juga mendapati graduan IPT tempatan juga gagal berinteraksi dengan baik bersama rakan sekerja (Berita Harian, 2006 dalam Noreen et al, 2007).

Namun, menurut Bailey (Cheung and Lewis, 1998) kebanyakan graduan lulusan sijil dan diploma selalunya masih remaja dan belum pernah menceburkan diri dalam dunia pekerjaan. Mereka masih kurang jelas tentang skop tugas yang diberikan dan tidak tahu bagaimana setiap pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari boleh diaplikasikan dalam dunia pekerjaan yang sebenar.

#### **Penyataan masalah**

Dengan adanya kajian yang mendapati pihak majikan pada era ini memerlukan setiap graduan mempunyai set kemahiran yang lengkap, maka pengkaji amat berminat untuk mengkaji sejauh mana tahap kesediaan kemahiran generik di kalangan pelajar semester akhir Diploma Hotel Dan Katering sebagai persediaan mereka untuk memasuki pasaran pekerjaan. Pemilihan pelajar tahun akhir adalah kerana mereka ini adalah pelajar yang

bakal menamatkan pengajian dan akan berada di dalam pasaran pekerjaan tidak lama lagi. Oleh itu, amatlah penting untuk melihat sejauh mana tahap kesediaan kemahiran generik yang mereka perolehi sepanjang mereka menuntut di Politeknik Johor Bahru.

#### **Objektif kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengetahui tahap kesediaan kemahiran generik di kalangan pelajar semester akhir Diploma Hotel Dan Katering.
2. Mengenalpasti perbezaan demografi jantina dengan tahap kesediaan kemahiran generik.
3. Mengenalpasti perbezaan faktor pencapaian dengan tahap kesediaan kemahiran generik.

#### **Persoalan kajian**

1. Adakah wujud tahap kesediaan kemahiran generik kalangan pelajar semester akhir kursus Diploma Hotel Dan Katering.
2. Adakah terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan dari aspek tahap kesediaan kemahiran generik.
3. Adakah terdapat perbezaan faktor pencapaian dengan tahap kesediaan kemahiran generik .

## **II. LITERATURE REVIEW**

Kemahiran generik atau karangan lebih popular dengan maklumat insaniah telah lama diperkatakan dan bincangkan oleh para ilmuwan dan penyelidik diserata dunia.

Kemahiran ini berkembang melalui proses semulajadi seperti tumbesaran, kematangan dan penuaan. Menurut Megat Aman et al (2007), kemahiran generik merupakan kemahiran yang perlu ada pada seseorang untuk berfungsi dengan berkesan pada kadar minima sewaktu melakukan pekerjaan mengikut kemahiran-kemahiran khusus yang dimiliki.

Menurut Sharifah Hapsah (2005), jaminan kualiti di IPT adalah untuk memastikan graduan yang dilahirkan mempunyai kemahiran teknikal dan praktikal, profesional, kemahiran pengurusan pemikiran teknikal, kemahiran komunikasi dan kemahiran pengurusan maklumat serta pembelajaran sepanjang hayat. Jabatan Pendidikan Tinggi dalam Megat Aman et al (2007) pula meletak standard bagi semua kurikulum dalam pendidikan tinggi di

Malaysia harus mempunyai rekabentuk yang menerapkan kemahiran generik yang meliputi:

- kemahiran berfikir, bertindak, mengadaptasi, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
- kemahiran interpersonal dan berkomunikasi
- kemahiran ICT, multimedia dan kemahiran pengurusan maklumat
- kemahiran kepimpinan,
- Kemahiran keusahawanan

Manakala di dalam industri perhotelan, Cho & Wong (2001) telah menyenaraikan 8 aspek kemahiran yang perlu ada oleh sesorang apabila mereka ingin bekerja di dalam sektor perhotelan. Aspek kemahiran tersebut adalah :

- Data inisiatif yang tinggi ;
- Kemahiran bekerja dalam kumpulan ;
- Mempelajari sesuatu yang baru ;
- Bersemangat melakukan sesuatu ;
- Kemahiran menyelesaikan masalah;
- Kemahiran atas komputer;
- Kemahiran menulis;
- Pengalaman atas kerja.

Selain daripada itu Sandwith (1993) menjelaskan bahawa mereka yang ingin bekerja di hotel perlu:

- mahir berkomunikasi secara lisan dan tulisan,
- boleh bekerja dalam kumpulan,
- mempunyai ciri-ciri kepimpinan serta
- memiliki kemahiran interpersonal.

Ini disokong dengan pendapat daripada Muhammad Shahrim (2007), dimana kerjaya di bidang perhotelan perlu memiliki :

- personality yang menarik,
- berbudi bahasa,
- boleh berkomunikasi dengan baik,
- sensirif kepada pelanggan dan
- jujur.

### **III. METHODOLOGY**

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif. Ini kerana mengikut Cohan dan Monion (Mohamad Najib, 1999), kajian kes adalah satu usaha untuk mengkaji satu-satu unit pada satu-satu masa untuk melihat secara intensif peristiwa yang berlaku.

Data-data dalam kajian ini diperolehi daripada pelajar-pelajar semester akhir kursus Diploma Hotel Dan Katering Politeknik Johor Bahru. Populasi kajian difokuskan kepada keseluruhan 52 orang pelajar yang mengikuti kursus ini bagi sesi Januari 2010. Dalam kajian ini responden mewakili 100% persampelan. Rasional pemilihan sampul ini sebagai responden ialah dapatan yang diperolehi dapat mempotretkan ciri-ciri keseluruhan populasi yang dikaji.

Kajian ini menggunakan borang kajiselidik untuk mengumpulkan data. Menurut Oppenheim di dalam buku Penyelidikan Pendidikan (Mohamad Najib, 1999) kaedah memperolehi data secara soal selidik mampu mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi serta pandangan.

Bentuksoalan di bahagian A adalah mengikut nekapilihan. Manakala bahagian B semuanya adalah sisa undangan menggunakan kertas lalikert untuk mengukur sikap dan ciri-ciri kemahiran generic pelajar. Skala ini sesuai digunakan kerana menu rut Wierman (1995), iaitu merupakan satu inventarisikap yang melibatkan perasaan individu terhadap sesuatu idea, prosedur dan institusi sosial.

### **IV. RESULT AND DISCUSSION**

Kaedah peratusan telah digunakan untuk bahagian A : Profile pelajar. Manakala semua data di bahagian B telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Bagi soalan kajian 1, kaedah deskriptif statistic telah digunakan dengan berpandukan min skor. Ini kerana analisis min boleh

digunakan untuk mengukur skor purata yang membawa kepada gambaran data secara keseluruhan (Uma Sekaran, 1992). Data berkenaan telah ditafsirkan dengan menggunakan Jadual 1 dibawah (Alias Baba, 1999).

Jadual 1 : Tafsiran min dan nilai-nilai keusahawanan pelajar

<b>Min</b>	<b>Tafsiran</b>	<b>Nilai – Nilai Keusahawanan</b>
1.00 hingga 2.49	Tidak setuju dan sangat tidak setuju	Rendah
2.50 hingga 3.49	Kurang setuju	Sederhana
3.50 hingga 5.00	Setuju dan sangat setuju	Tinggi

Bagi soalan kajian 2, kaedah analisis data yang dijalankan ialah dengan menggunakan Ujian T. Ini kerana menurut Mohamad Najib (1999), ujian T sesuai dijalankan apabila pengkaji ingin mencari perbezaan min diantara skor-skor prestasi 2 kumpulan. Dalam ujian T, aras signifikan *2-tailed* iaitu dua arah yang digunakan ialah paras 0.05. Sekiranya dalam ujian yang dijalankan menunjukkan nilai signifikan yang lebih kecil daripada 0.025 atau 2.5%, maka hipotesis nol adalah ditolak. Ini bermakna wujud perbezaan min secara signifikan bagi pembolehubah yang dikaji antara kedua-dua populari ( Mohd Salleh dan Zaidatun, 2001). Bagi soalan kajian3, kaedah analisis data yang dijalankan ialah dengan menggunakan Ujian Oneway ANOVA. Menurut Mohd Salleh dan Zaidatun (2001), Ujian Oneway ANOVA boleh dijalankan untuk menguji perbezaan min bagi pembolehubah bersandar untuk dua kumpulan atau lebih secara serentak. Dalam ujian ini, jika kebarangkalian berlakunya

fenomena ini adalah kurang 0.025 atau 2.5%, maka hipotesis nol adalah ditolak. Ini bermakna wujudnya perbezaan min yang signifikan bagi pembolehubah yang dikaji di kalangan ketiga-tiga kumpulan populasi.

#### Batasan kajian dan andaian

Batasan kajian yang wujud di dalam kajian ini ialah :

- Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar semester akhir kursus Diploma Hotel Dan Katering.
- Ia hanya memfokuskan kepada 4 kemahiran generic iaitu:
  - Berkomunikasi;
  - Bekerja dalam kumpulan
  - Menggunakan komputer
  - Menyelesaikan masalah

Satu andaian telah dibuat iaitu semua responden menjawab soalan di dalam borang soalselidik dengan jujur dan ikhlas.

#### DAPATAN KAJIAN

##### Bahagian A : Profil pelajar

Jadul 2 di bawah menunjukkan jumlah responden yang terlibat dalam kajian mengikut jantina. Jumlah responden perempuan ialah 38 orang (73%) dan jumlah responden lelaki ialah 14 orang ( 27%).

Jadual 2 : Jantina pelajar

<b>Jantina</b>	<b>Bilangan Sampel</b>	<b>Sampel %</b>
Lelaki	14	27
Perempuan	38	73
Jumlah	52	100

Jadual 3 di bawah menunjukkan taburan pelajar mengikut HPNM. Jumlah pelajar yang memperolehi HPNM 4.00-3.50 ialah 6 orang (11.5%), HPNM 3.49-3.00 ialah 38 orang (73.1%) dan HPNM 2.99-2.50 ialah 8 orang (15.4%).

Jadual 3: HPNM pelajar

<b>HPNM</b>	<b>Bilangan Sampel</b>	<b>Sampel %</b>
4.00 - 3.50	6	11.5
3.49 - 3.00	38	73.1
2.99 - 2.50	8	15.4

**TAHAP KESEDIAAN KEMAHIRAN GENERIK PELAJAR SEMESTER AKHIR DIPLOMA  
HOTEL DAN KATERING: KAJIAN KES**

---

Total	52	100
-------	----	-----

**Bahagian B : Kemahiran generik**

**Persoalan kajian 1**

Analisa kajian dibahagian ini adalah merujuk kepada persoalan kajian 1 iaitu “adakah wujud tahap kesediaan kemahiran generik kalangan pelajar semester akhir kursus Diploma Hotel Dan Katering”. Aspek kemahiran generik yang dikaji adalah:

1. Kemahiran berkomunikasi;
2. Kemahiran bekerja dalam kumpulan
3. Kemahiran menggunakan komputer
4. Kemahiran menyelesaikan masalah

Tahap kesedian kemahiran generik pelajar diukur dengan menggunakan min skor bagi setiap soalan. Jadual 4 di bawah menunjukkan dapatkan min skor bagi tahap kemahiran generik yang dikaji.

Jadual 4: Min Keseluruhan bagi Tahap Kemahiran Generik Pelajar

Kemahiran Generik	Min Skor	Min	Tahap
Berkomunikasi	3.21,3.29,3.65,3.63,3.69	3.49	Sederhana
Bekerja dalam kumpulan	3.96,4.02,4.02,3.92,4.06	3.99	Tinggi
Menggunakan komputer	3.75,3.15,3.77,4.06,4.06	4.57	Tinggi
Menyelesaikan masalah	3.67,3.75,4.12,3.83,3.73	3.82	Tinggi
Total min		3.96	Tinggi

Dapatkan daripada analisis telah menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap kesediaan yang

tinggi terhadap empat kemahiran generik yang dikaji. Ini dibuktikan dengan nilai min skor yang diperolehi adalah tinggi iaitu diantara 3.50-5.00. Walaubagaimanapun, dalam aspek kemahiran komunikasi, terdapat dua item yang memberikan tahap kemahiran yang sederhana.

Dua item tersebut adalah “saya fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris” yang mencatatkan min skor yang terendah iaitu 3.21 dan “saya mampu berkomunikasi secara bertulis di dalam Bahasa Inggeris dengan baik” yang mencatatkan min skor 3.29. Dapatkan ini menyokong kenyataan mantan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Mustapa Mohamed bahawa graduan lulusan pengajian tinggi masih gagal menguasai Bahasa Inggeris dan kurang mahir berkomunikasi (Berita Harian, 2006 dalam Noreen et al, 2007). Selain itu, bagi aspek kemahiran menggunakan komputer, terdapat satu item yang menunjukkan tahap kesediaan yang sederhana iaitu ”saya mahir menggunakan perisian MS Excell” yang menunjukkan bacaan sebanyak 3.15. Bacaan min item ini sederhana keranamungkin responden jarang menggunakan perisian ini dalam membuat tugas. Kebiasaannya mereka lebih selesa menggunakan perisian MS Microsoft dalam segala tugas mereka.

Secara keseluruhannya, hasil keputusan yang diperolehi ini disokong oleh hasil kajian yang dilakukan oleh Siti Hajar (2005) di mana beliau mendapati bahawa pelajar mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap kemahiran generik untuk melakukan sesuatu tugas atau berhubung dengan orang lain. Hasil kajian ini juga bertepatan dengan konsep kemahiran generik yang diperkenalkan oleh Finn (1991) yang menyatakan keperluan kemahiran generik adalah merujuk kepada sesuatu perkara yang sangat diperlukan oleh pejalar sebagai persediaan terdapat pekerjaan. Selain itu ia juga selaras dengan sasaran institusi pengajian tinggi untuk melahirkan graduan sebagai bakal tenaga kerja yang memiliki minda kelas pertama

termasuk pemikiran yang berkualiti dan berkemahiran ( Buletin Pengajaran & Pembelajaran, Mei 2004)

### Persoalan kajian 2

Dapatan Ujian T yang dijalankan menunjukkan kesemua soalan memperolehi nilai signifikan yang lebih besar daripada 0.025 atau 2.5%. Ini bermakna tidak wujud perbezaan min secara signifikan bagi pembolehubah yang dikaji antara kedua-dua populasi. Kesimpulannya tidak terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap kemahiran generic.

### Persoalan kajian 3

Analisis data menunjukkan 19 item soalan memperolehi nilai signifikan yang lebih besar daripada 0.025. Namun terdapat 1 item soalan yang memperolehi nilai signifikan yang lebih rendah daripada 0.025, iaitu “berkerja dalam kumpulan boleh menimbulkan suasana persaingan untuk meningkatkan semangat dan motivasi diri”. Dengan ini dapat disimpulkan secara purata ia menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar dengan tahap kemahiran generic.

## V. CONCLUSION

Secarakeseluruhannya, hasilkajianini mendapatibawapelajarmempunyai tahap kesediaan yang tinggi terhadap kemahiran generik yang dikaji. Hasilkajianini menyokongdapatankajian yang telah dijalankanolehAdibah (2006) dimanakeseluruhapelajaranmenunjukkantahap kemahiran tinggi. Walaubagaimanapuntahap kemahiranpelajardariaspекkemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris masih lagis derhana. Oleh yang demikian, bimbangantambahaperludiberikan kepada aspek kajian yang terdiridari padabahaian pengurusan,

pensyarah, pihak industri mahupun pelajar itu sendiri perlu diintegrasikan secara keseluruhan bagi memastikan kemahiran generik yang diadaptasikan danamprendidikan relevan dan keperluan dan kehendak pasaran pekerjaan semasa.

## VI. REFERENCES

A.Esa, M.Y.Abd Hadi, B. Mohd Salleh. 2007. Peranan Ko-Kurikulum Di Politeknik Dalam Memenuhi Keperluan Pihak Industri di Malaysia di Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran Di Peringkat Pengajian Tinggi 2007.12-14 Disember 2007, Selangor , Malaysia.

Adibah Abdul Latif.2005. Perkaitan Antara Tahap Kemahiran Generik Dengan Pencapaian Prestasi Pelajar. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana.

Alias Baba.1999. Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Sains Sosial. Edisi Pertama. Selangor : Penerbit America : Johan Wiley & Sons Inc.

Buletin Pengajaran dan Pembelajaran.2004.” Bengkel Pembinaan Artifikil Graduan dan Penerapan Kemahiran Generik di Kalangan Pelajar UTM.” Centre for Teaching and Learning UTM.

Cho, Y. Y. & Wong, K. K. F. 2001. *Determinants of hotel employment in Hong Kong*. Cornell Hotel and Restaurant Administration Quarterly, **42** (1), 50-59.

Chueng , Chi-Kim., and Lewis.D. 1998. *Expectation of Employees of High School Leavers in Hong Kong. Journal of Vocational Education and Training*”. No. (1). 97-111.

**TAHAP KESEDIAAN KEMAHIRAN GENERIK PELAJAR SEMESTER AKHIR DIPLOMA  
HOTEL DAN KATERING: KAJIAN KES**

---

- Esa Abd. Samad. 2000. "Pencapaian Akademik Bukan Jaminan Kerjaya." *Siswa Julai*. Dewan Bahsa dan Pustaka . Kuala Lumpur.
- Finn, B. 1991. *Young People's Participation In Post Compulsory Education and Training . Report of The Australian Education Council Review Committee Canberra : Government Publishing Service.*
- Imran Idris. 1993. "Perubahan Dunia Vokasional- Satu Cabaran Kepada Sistem Pendidikan." *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*". Jilid (7)10-21.
- Megat Aman Zahiri Megat Zakaria.2007. " Hubungan Antara Kemahiran Generik Dengan Jantina, Pengkhususan Dan Pencapaian Guru-Guru Pelatih UTM : Satu Tinjauan. Online : eprints.utm.my
- Mohamad Najib Abdul Ghafar.1999. Penyelidikan Pendidikan. " Edisi Pertama. Johor : Universiti Teknologi
- Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir.2001. Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer : SPSS 10.0 For Relation To Entrepreneurship. *Journal of Small Business Management* October.
- Muhammad Shahrim Ab. Karim.2007. Kerjaya dalam bidang perhotelan. 1Edition, Kuala Lumpur. PTS Professional Pub.
- Noreen Mohd Esam, Mohd Nihra Haruzuan Mohamad Said, Mohd Fadzli.2007. Tahap Kemahiran Generik Pelajar Tahun Akhir Yang Mengambil Mata Pelajaran Fizak di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai di Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran Di Peringkat Pengajian Tinggi 2007. 12-14 Disember 2007, Selangor , Malaysia
- Norliza Mat Abu .2000. " Tahap Kompeten Pelajar Dalam Menghadapi Alam Pekerjaan : Satu Kajian Kes". Kolej Universiti Tun Hussien Onn.
- Sandwith, P.1993. A hierarchy of management training requirements. A competency domain model. *Public Personnel Management*, 22(1), 43-62
- Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin.2006. *Kerangka Kelayakan Malaysia*. Lembaga Akreditasi Negara.
- Siti Hajar Razali.2005. "Persepsi Mahasiswa IPTA Terhadap Kepentingan Kemahiran Generik : Satu Kajian Kes di Kalangan Mahasiswa Tahun Akhir di UTM, Skudai." Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Uma Sekaran.1992. Research Method for Business : A Skill Building Approach. "2<sup>nd</sup> Edition. United States of Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Weirma, W.1995. Research Methods in Education : An Introduction. 6<sup>th</sup> Edition, London: Allyn and Bacon.Windows. Edisi Perta,a. Kuala Lumpur : Venton Publishing.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pilie.1993. "Kemahiran Keusahawanan Dalam Pendidikan Vokasional Satu Jaminan Kerjaya". *Jurnal Pendidikan Kementerian*

*Pendidikan Malaysia". Jilid  
(7)30-37*